



## Teknologi 5G untuk semua lapisan masyarakat

Oleh Siti Haliza Yusop - Februari 17, 2022 @ 6:03pm  
bhnews@bh.com.my



Dengan tahap kelajuan dan kebolehcapaian internet lebih tinggi menerusi 5G membolehkan pemindahan data lebih pantas terhadap sektor yang menjadi tonggak ekonomi negara.

KUALA LUMPUR: Teknologi 5G yang dilancarkan pada Disember lalu, menjadikan Malaysia negara pertama di rantau ini yang membina ekosistem 5G menggunakan internet dan perkhidmatan awan dalam masa-sebenar atau real-time.

Teknologi 5G adalah satu *game changer* yang mewujudkan banyak perkhidmatan pintar untuk memberi kesan langsung kepada semua lapisan masyarakat.

Selain capaian internet lebih laju, ia menambah keupayaan pelbagai industri dan menawarkan pelbagai pengalaman digital mudah alih kepada masyarakat berbanding perkhidmatan yang tersedia ketika ini.

Revolusi Perindustrian 4.0 (4IR) melalui kemajuan dalam bidang digital, fizikal dan biologi pula, membawa penemuan dalam kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*), data besar (*Big Data*), realiti maya (*Virtual Reality*) dan kejuruteraan perisian.

Teknologi 5G akan memberi kesan yang ketara kepada kehidupan tidak kira sama ada sebagai individu atau secara bermasyarakat, dengan gaya hidup lebih pintar dan efisien dari sudut kerja, pendidikan, penjagaan kesihatan dan masa lapang.

Dengan tahap kelajuan dan kebolehcapaian internet lebih tinggi yang membolehkan pemindahan data lebih pantas berbanding sebelum ini, secara langsung 5G mempertingkatkan kualiti kehidupan dalam menjelajah era digital.



Dengan tahap kelajuan dan kebolehcapaian internet lebih tinggi menerusi 5G membolehkan pemindahan data lebih pantas terhadap sektor yang menjadi tonggak ekonomi negara.



Kapasiti 5G turut merangsang penstriman langsung dengan latensi yang rendah, kelajuan yang berlipat ganda dan jalur lebar lebih tinggi.

Dengan itu sektor yang menjadi tonggak ekonomi seperti automotif, bandar pintar, keselamatan awam, media dan hiburan, pertanian, pendidikan, pengilangan serta penjagaan kesihatan dapat memanfaatkan teknologi 5G dengan sepenuhnya.

Berdasarkan kajian oleh Ernst & Young Consulting Services (EY) baru-baru ini, penggunaan teknologi 5G berpotensi membantu meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia lima peratus atau RM122 bilion menjelang 2030.

5G bakal memacu kecekapan, meningkatkan produktiviti dan mencipta peluang baharu di seluruh rangkaian ekonomi dan ini akan menyumbang kepada aspirasi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) untuk menjadi negara berpendapatan tinggi.

Teknologi itu juga berpotensi meningkatkan kecekapan serta menambah baik sektor penjagaan kesihatan secara digital seperti pemantauan jarak jauh atau telekesihatan.

Tidak ketinggalan juga kenderaan pandu sendiri yang sebelum ini tidak pernah terlintas di fikiran, namun semuanya mampu dijayakan dengan adanya gabungan teknologi 5G bersama sensor, kamera, radar dan AI.

Selain itu penduduk setempat pula bakal menerima manfaat wujudnya Bandar Pintar dengan kemudahan capaian tanpa wayar tetap (FWA) dan jalur lebar mudah alih tertingkat (eMBB).

Menariknya, hasil daripada revolusi dalam sektor vertikal itu, 5G secara langsung mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan serta jenis pekerjaan yang belum tercipta.

Laporan EY menjangkakan pelaksanaan 5G di Malaysia akan mewujudkan 750,000 peluang pekerjaan baharu menjelang tahun 2030 serta menyumbang kepada peningkatan dalam peratusan pekerjaan berkemahiran tinggi.

Demi memacu ekonomi negara pula, kerajaan mengambil dasar 5G-First bagi menggalakkan penggunaan dan penerimaan teknologi itu.

Menerusi dasar itu, kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri akan bekerjasama dan menyelaraskan kelulusan untuk penggunaan 5G seperti kemudahan rangkaian dan mempercepatkan perjanjian laluan kanan.

Kerajaan turut menggunakan strategi *digital-native* dan *cloud-first* untuk mempercepatkan transformasi digital sektor awam dengan menjelang penghujung 2022 dan transformasi ini bermakna 80 peratus penggunaan storan awan dalam kerajaan.

Penghijrahan itu ditambah dengan ap super kerajaan pada masa hadapan akan dapat memastikan pengumpulan dan pengurusan data yang berkesan.